

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS POSTER PERINGKAT KEBANGSAAN 1993
Lokasi : INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
Tarikh : 04-09-1993

Syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah izin- Nya dapat kita bersama-sama dalam majlis di pagi yang mulia ini. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan melukis poster peringkat Kebangsaan. Saya difahamkan pertandingan bertemakan 'Penduduk Dan Dunia Kita' yang dianjurkan bersempena Hari Penduduk Sedunia telah mendapat sambutan yang begitu baik dan menggalakkan daripada pelajar-pelajar sekolah seluruh Malaysia. Syabas saya ucapkan kepada sekolah-sekolah dan murid-murid yang mengambil bahagian. Syabas dan tahniah kepada Pemenang Antarabangsa, adik Sim Yen Chin dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Baru Mambu, Seremban, Negeri Sembilan.

2. Saya difahamkan pertandingan melukis poster akan diadakan setiap tahun setelah diperkenalkan buat kali pertama pada tahun 1992 oleh Tabung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Aktiviti Kependudukan (UNFPA). Saya percaya dan yakin melalui pertandingan seperti ini, akan dapat menimbulkan kesedaran semua golongan masyarakat khususnya para pelajar mengenai isu-isu kependudukan dan hubungkaitnya dengan alam persekitaran. Penduduk dan alam sekitar memang tidak dapat dipisahkan. Manusia memerlukan sumber yang terdapat di alam sekitar seperti udara, makanan, tenaga dan sumber untuk pembangunan. Pada hakikatnya, alam semula jadi adalah 'sumber hidup' kita.

3. Dalam hal ini saya mengucapkan syabas kepada UNFPA yang telah mengilhamkan pertandingan ini di peringkat antarabangsa oleh kerana isu kependudukan dan alam sekitar adalah satu isu yang 'global'. Selain itu para pelajar berpeluang untuk menonjolkan bakat seni mereka di samping memaparkan persepsi mereka tentang hubungkait penduduk dengan alam sekitar. Kesedaran seperti ini perlu dipupuk dari awal dan berterusan. Kita sedar bahawa sumber yang terdapat di alam sekitar adalah sumber yang terhad ataupun 'limited'. Justeru itu, ia perlu diguna dengan bijak dan bertanggungjawab. Jika kita tidak berusaha untuk memelihara sumber alam sekitar yang sedia ada, generasi kita yang akan datang akan menghadapi masalah untuk hidup sihat.

Kita tidak mahu melihat anak cucu kita hidup dalam keadaan terperangkap iaitu dalam dunia yang tidak selesa dan cemar.

4. Adalah dianggarkan 20.4 juta hektar hutan tropika pupus pada tiap-tiap tahun akibat pembangunan. Hutan adalah sebahagian daripada 'eco-system' yang penting kepada manusia. Hutan mengelakkan berlakunya hakisan tanah, melindungi tadahan air (protection of water shade) dan juga mengimbangkan cuaca. Hutan memberi keselesaan hidup kepada manusia kerana ia mengeluarkan bahan oksigen serta menyamankan udara. Kita juga sedar bahawa sebahagian besar daripada penduduk di kebanyakan negara bergantung kepada hutan dalam kehidupan seharian mereka sebagai punca rezeki.

Dengan demikian perlulah kita mengimbangkan hutan sebagai warisan dan punca pendapatan.

5. Kita bertuah kerana negara kita memberi perhatian berat terhadap perkara ini, sungguhpun kos untuk mengekalkan kehijauan dan menanam semula pokok hutan yang telah musnah adalah tinggi. Dalam hal ini berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Malaysia bagi melaksanakan program 'reafforestation'.

6. Saya ingin menarik perhatian para hadirin, bahawa jumlah penduduk dunia akan mencapai tahap 5.57 ribu juta pada pertengahan tahun 1993 dan 6.2 ribu juta pada pertengahan tahun 2000 dengan sejumlah tiga ribu juta menetap di bandar-bandar. Penduduk dunia bertambah seramai tiga orang bagi setiap saat dan seramai 250,000 dalam sehari. Secara kasar 95 peratus penambahan penduduk ini berlaku di negara-negara sedang membangun terutamanya di China, India dan Latin Amerika.

7. Kadar pertumbuhan penduduk yang pesat dan tidak terkawal akan mendatangkan berbagai-bagai

masalah dalam kehidupan kita terutamanya terhadap sumber alam sekitar.

Salah satu akibat daripada penduduk yang ramai dan sesak di bandaraya-bandaraya 'megacities' seperti Tokyo, Mexico City, Beijing dan Los Angeles ialah masalah pencemaran udara.

Syukur alhamdulillah negara kita belum sampai ke tahap yang boleh mendatangkan bahaya dan risiko yang tinggi kerana faktor kependudukan diseimbangkan dengan pembangunan yang 'sustainable'.

8. Walau bagaimanapun, keadaan ini perlu diawasi.

Sekiranya langkah-langkah pengawalan yang positif dan awal tidak diambilkira, kemungkinan kita semua akan menghadapi dilema yang sama seperti negara-negara maju lain di dunia.

9. Sehubungan dengan perkara ini, pelbagai program kesedaran perlu diadakan dan dipertingkatkan untuk menambah kepekaan serta keprihatinan di kalangan ahli masyarakat, khususnya golongan muda seperti murid-murid sekolah, bagi mengelakkan kesan bahaya pencemaran kepada manusia dalam jangka masa yang panjang.

10. Usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar yang bersih dan bermutu bermula dari rumah. Adalah menjadi tanggungjawab ibubapa untuk membentuk sebuah keluarga yang sihat dan sempurna iaitu yang mempunyai nilai-nilai positif, etika tinggi dan amalan kehidupan yang baik. Amalan menjaga kebersihan, cintakan kepada alam semulajadi dan alam sekitar perlu dipupuk dari kecil supaya kanak-kanak menghargai alam sekitar.

11. Guru-guru juga perlu memainkan peranan yang besar dalam menanamkan sifat prihatin dan cintakan alam sekitar di jiwa anak-anak. Apabila anak-anak ini tahu menghargai alam sekitar dan bumi ini dari sejak kecil lagi, usaha untuk memelihara serta mengekalkan alam sekitar supaya bersih, nyaman dan bermutu akan lebih mudah dan cepat menjadi kenyataan.

12. Kepada anak-anak, saya ingin menyeru dan berharap supaya anak-anak terlebih dahulu mengamalkan kebersihan diri sendiri. Amalan kebersihan semestinya dijadikan amalan harian dan satu kebiasaan. Ini diikuti dengan kebersihan di dalam dan luar rumah, di bilik darjah dan di mana-mana sahaja anak-anak berada.

13. Saya mengalu-alukan usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti ke arah memberi kesedaran mengenai pemeliharaan dan pengendalian alam sekitar dan bumi hijau. Usaha seperti ini perlu diteruskan dan diadakan dengan lebih meluas dan kerap lagi. Misalnya pertandingan-pertandingan lain seperti peraduan menulis esei, kuiz, perbahasan dan juga forum boleh diadakan. Dengan cara ini, banyak idea dapat dilahirkan oleh anak-anak kita, khususnya para pelajar sekolah. Ini akan membantu mereka ke arah tindakan yang lebih positif dan berkesan dalam usaha pemeliharaan alam sekitar serta bumi yang kita sedang huni bersama.

14. Kepada pihak penganjur, khususnya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Tabung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Aktiviti Kependudukan (UNFPA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia, tahniah saya ucapkan di atas usaha menganjurkan majlis ini.

Sekian, wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.